

## BPPDP BIL. (06) 2015 EDISI JUN



### Isu Utama Akhbar Jun 2015

## Tidak perlu bahasa Inggeris sebagai pengantar di sekolah

YAB. Tan Sri Muhyiddin Yassin

Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, sebarang usaha untuk mengembalikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di sekolah adalah bercanggah dengan Akta Pendidikan Kebangsaan 1996. Timbalan Perdana Menteri berkata, polemik itu tidak seharusnya ditimbulkan selepas 57 tahun negara mencapai kemerdekaan. Beliau berkata, sekiranya di negara Jepun, China, Finland, Korea Selatan dan Indonesia dengan bahasa masing-masing sedangkan di Malaysia guna bahasa Inggeris, di manakah maruah bangsa di negara ini. Dalam perkembangan berkaitan, Tan Sri Muhyiddin memberitahu, langkah intervensi awal perlu diambil bagi mempertingkatkan penguasaan dan kecekapan guru serta pelajar dalam bahasa Inggeris sebelum syarat wajib lulus mata pelajaran berkenaan dikuatkuasakan tahun hadapan. Beliau menjelaskan tindakan itu berupaya mengelakkan berlakunya kesan negatif termasuk kegagalan sebahagian pelajar memperoleh kelulusan penuh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sumber: Utusan Malaysia, 11 Jun 2015



### Impak PPPM bukan sekeli mata

Datuk Mary Yap Kain Ching

Malaysia berada dilandasan yang betul dalam melakukan transformasi sistem pendidikan melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi melengkapkan persiapan untuk bersaing dengan negara termaju di dunia. Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, adalah mustahil untuk melihat impak pelaksanaan PPPM pada masa ini sedangkan program transformasi pendidikan tersebut baharu diperkenalkan tahun 2013. Menurutnya, perkara itu turut diakui oleh seorang Panel Penilai Bebas Antarabangsa PPPM, Michael Fullan yang memberi tempoh sekurang-kurangnya lima tahun untuk melihat hasil yang cemerlang terhadap prestasi pelajar menerusi pelaksanaan PPPM. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai hasil Kajian Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dalam Sains dan Matematik mendapati Malaysia berada di kedudukan ke-52, lebih rendah daripada Thailand dan Vietnam. Keadaan itu digunakan oleh pihak tertentu yang mendakwa masih terdapat kelemahan dalam sistem pendidikan negara.


Sumber: Utusan Malaysia, 9 Jun 2015

### Maklumat dan Pertanyaan

Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Aras 1 Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya

Email: [infomedia@gmail.com](mailto:infomedia@gmail.com) <http://www.moe.gov.my>

Tel : 03-8884 6002 Faks : 03-8884 6284



## Perkukuh STEM berjaya tarik minat pelajar - Kamalanathan

YB. P. Kamalanathan

Kementerian Pendidikan komited mengukuhkan mata pelajaran Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sekali gus mahu lebih ramai pelajar menceburi bidang berkenaan. Timbalan Menteri Pendidikan, P. Kamalanathan berkata, ini kerana penguasaan pelajar dalam mata pelajaran terbabit didapati amat memberangsangkan. Menurutnya, sebagai contoh, murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Jalan Yahya Awal dan murid Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail (SSI) di sini berjaya memenangi pertandingan reka cipta di Korea Selatan. Beliau berkata, hari ini kita telah menyaksikan bagaimana kementerian melonjakkan bidang sains di negara ini dan kejayaan murid-murid itu perlu dijadikan contoh serta diharapkan mampu melonjakkan semangat murid lain. Menurut beliau, kejayaan pelajar berkenaan juga menunjukkan betapa mereka menguasai bidang sains walaupun masih muda. Tambahnya, kemenangan pingat emas menerusi empat penciptaan antaranya meja mudah membaca dan botol air dua dalam satu itu juga bukan sahaja mengharumkan nama negara di persada antarabangsa, malah membuktikan pendidikan SJKT negara ini bermutu.

Sumber: Utusan Malaysia, 15 Jun 2015

## PISA: Sasar pencapaian tinggi

YAB. Tan Sri Muhyiddin Yassin

**PENTAKSIRAN  
TINGKATAN TIGA  
PT3**

Malaysia berharap memperoleh pencapaian lebih baik dalam Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) yang akan berlangsung tahun ini berbanding yang dicatatkan pada 2012. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sejak dua tahun lepas Kementerian Pendidikan telah melaksanakan program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di semua sekolah yang merupakan salah satu kriteria digunakan untuk menilai tahap kemahiran berfikir pelajar dalam PISA. Menurut beliau, KBAT sudah menjadi komponen penting dalam menjawab soalan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Beliau berkata, penaja PISA menyatakan bahawa negara yang berada pada *ranking* terbawah tidak bermakna taraf pendidikannya rendah. Ada faktor lain yang perlu dikaji dan diperhalusi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau juga membuat kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung Komanwel, Kamallesh Sharma. Keputusan kajian oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dalam ujian Matematik mendapati Malaysia berada pada kedudukan ke-52 daripada 65 negara yang mengambil bahagian dalam PISA 2012. Mengenai usaha Malaysia untuk menduduki kerusi Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi penggal tahun 2015-2019, jelas beliau, beberapa negara tampil menyatakan sokongan mereka terhadap hasrat Malaysia itu.

Sumber: Utusan Malaysia, 26 Jun 2015

### Kata Kunci Kejayaan

**“Kebijaksanaan bukan merupakan produk dari sekolah, tapi dari usaha seumur hidup untuk mendapatkannya.”**

**-Albert Einstein**



# Data Statistik

Koleksi Bahan dan Keratan Akhbar Bagi Bulan Jun 2015

## 1. PEROLEHAN

BIL	JENIS KOLEKSI	JUMLAH
1.	Koleksi Umum	0
2.	Koleksi KPM	0
3.	Koleksi Tesis	312
4.	Koleksi CD-ROM	4
5.	Artikel Akhbar	350
6.	Koleksi Jurnal	8
7.	Koleksi Risalah/ Hadiah/Sumbangan	8
<b>JUMLAH</b>		<b>682</b>

## 2. KEMASUKAN DATA

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN TAJUK BAHAN
<b>JUMLAH</b>		<b>292</b>

## 3. PENGKATALOGAN

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN DIKATALOG
<b>JUMLAH</b>		<b>263</b>

Jumlah Kumulatif sehingga 28 Februari  
2015:184,975

Dapatkan maklumat bahan rujukan dan peminjaman melalui Sistem Virtua versi 2009 Perpustakaan KPM dengan melayari laman sesawang berikut:

<http://librarykpm.moe.gov.my>



PERPUSTAKAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA



Sektor Pusat Dokumentasi,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar  
Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

## ISU-ISU UTAMA YANG DIPAPARKAN DI AKHBAR BAGI BULAN JUN 2015

1. Kurikulum Pengajaran & Pembelajaran  
Bagi Semua Mata Pelajaran/MBMMBI/  
Sukatan Mata Pelajaran  
- 5 isu
2. Kenyataan oleh Menteri Pendidikan &  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia  
- 10 isu
3. Pengurusan Pendidikan  
- 10 isu
4. Keselamatan Murid  
- 2 isu

## JUMLAH PENGGUNA PERPUSTAKAAN BAGI BULAN JUN 2015

171 Orang

## JUMLAH PENGUNJUNG PORTAL LIBRARYKPM SEHINGGA 31 JUN 2015

26,200 Orang



**UTAMAKAN KESIHATAN**  
**Fizikal dan mental yang sihat**  
**meningkatkan kecemerlangan**  
**pendidikan**

*Senyum Selalu*  
**SEDIA BANTU**



Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara-negara termaju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Di harapkan langkah mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdP akan dapat menaikkan prestasi negara khususnya dalam persaingan peringkat antarabangsa terutama dalam pentaksiran Programme for International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2015.

KBAT juga mengaplikasikan pemikiran secara kritikal, pemikiran kreatif, pemikiran logical, pemikiran reflektif dan meta kognitif. Secara mudahnya murid mencerap sesuatu data atau maklumat kemudian diproses dalam minda dan akhirnya dikeluarkan semula dalam pelbagai bentuk. Kemahiran berfikir ini juga dikatakan sebagai berfikir secara kritis dan kreatif.

Memiliki kemahiran ini murid bebas untuk membanding, membeza, menyusun atur, mengelas dan mengenal pasti sebab dan akibat mengikut pendapat dan pandangan mereka sendiri. Andai kata diberikan suatu soalan maka murid boleh memberi jawapan dalam pelbagai bentuk, idea baru dan melihat daripada beberapa sudut. Di sinilah dikatakan wujudnya pemikiran berbentuk kreatif, inovatif dan mereka cipta di kalangan murid.

KBAT ini juga mempunyai kelebihan lain iaitu dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan sedia ada pada murid. Mereka akan dapat mengawal, memandu dan mengukur pembelajaran yang telah mereka kuasai. Kebolehan ini akan menjadikan mereka lebih produktif dan berdaya saing. Seterusnya sudah tentu dapat meningkatkan kefahaman dan memperkukuh pembelajaran dalam apa sahaja perkara yang mereka pelajari nanti.

Bagi menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid maka peranan guru sangat signifikan. Usaha ke arah itu perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh. Sebenarnya kemahiran berfikir ini bukanlah asing kepada guru kerana mereka telah didedahkan tentang konsep dan kaedah kemahiran ini semasa mengikuti latihan perguruan di maktab atau universiti suatu ketika dahulu. Walau apa pun guru perlu terus ditingkatkan keupayaan kemahiran berfikir mereka supaya dapat memberikan yang terbaik kepada murid dalam pengajaran mereka.

Sumber: kbat/Portal KPM

### WAKTU OPERASI

Isnin- Khamis  
8.00 pagi – 4.30 petang

Jumaat  
8.00 pagi – 12.00 tengah hari  
2.45 petang – 4.30 petang  
Ditutup pada Sabtu, Ahad dan  
cuti umum

### KEAHLIAN

Keahlian adalah percuma:

- Terbuka kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia
- Institusi Pengajian Tinggi (IPTA dan IPTS)
- Agensi Kerajaan
- Penyelidik

Bagi pelajar/pensyarah universiti yang pertama kali mendaftar perlu:

- Membawa kad matrik dan surat pengesahan
- Melengkapkan borang pendaftaran
- Mendapatkan kad keahlian

Bagi agensi kerajaan lain dan penyelidik

- Membawa surat pengesahan dari ketua jabatan yang berkaitan

### Perkhidmatan Yang Disediakan

- Perkhidmatan Rujukan
- Perkhidmatan Sirkulasi
- Bilik Mesyuarat
- Peti Pemulangan Buku (24 Jam)
- Khidmat Nasihat dan Kepakaran
- Mesin Fotokopi (layan diri)
- Bilik Tayangan

Informatif, Tepat & Mesra



## TEACHER TRANSFERS UNRESOLVED, SAYS IDRIS

Datuk Seri Idris Jusoh

**S**econd Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh is at a loss over how to resolve the decade-old problem of teachers seeking transfer to their home towns. He have promised to solve the issue, but despite having a clear system like the online traffic light system introduced recently, the ministry are still looking for the best way to unite husbands and wives, as well as sick parents with their children. Datuk Seri Idris Jusoh revealed that vacant teaching posts in Kelantan, Terengganu and Kedah were no longer available, as they had been filled up. Kelantan was among the most sought alter states for transfers, but the ministry faces a dilemma as not many are willing to transfer out of the east coast state. Speaking to reporters after attending the Federal Territory excellent awards ceremony. He said the problem was compounded by the spillover of teachers in Terengganu, as many use the state as a transit alternative until their transfers are granted to Kelantan because of the close proximity of the state. The online traffic light system was introduced to ease and streamline transfers involving teachers. It was developed to show teachers the status of their transfers, options available which match their skills and qualitications. The system, which is accessible through the ministry's website, was developed to address complaints from teachers whose transfers had not been fulfilled

Source: Star, 03 June 2015

## INVESTING IN ENGLISH WILL YIELD BENEFITS

YAB. Tan Sri Muhyiddin Yassin

**M**astering English is a long-term investment that will benefit the country and the private sector, says Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin. He urged corporations with expertise and funds to step forward and play a part in shaping and improving the mastery of English in Malaysia. Tan Sri Muhyiddin Yassin, who is also Education Minister said by doing so, the corporations would also gain by way of a more skilled, professional workforce. He said in the era of globalisation, English in particular cannot be ignored because it will give the younger generation of Malaysians a competitive edge. On behalf of the Government, I welcome the private sector, which has sufficient funds and expertise, to help us provide quality education. He said this at the UEM Group English Literacy Programme graduation ceremony yesterday. The programme, aided by the British Council, equipped 116 teachers with the necessary skills to teach English. The programme also involved their understanding of English was up by 9%.” The programme, which began in 2013 with an investment of RM3mil by UEM Group and the Pintar Foundation, proved to have major social investment returns, valued at RM54mil. Tan Sri Muhyiddin added that efforts to create quality human capital had to be increased, in line with Malaysia's aim to be a developed, high income nation by 2020.

Source: Star, 05 June 2015

## CROSS AT SCHOOL TO STAY – EDUCATION MINISTRY STEPS IN TO STOP GROUP FROM REMOVING SYMBOL

**A** cross on a new building at SK St Mary Labuk in Sandakan will stay after the Education Ministry stepped in to stop plans to remove it by certain groups in the school. Deputy Education Minister Datuk Mary Yap Kain Ching has ordered Sabah Education director to adhere to the Circular 1/2013 which clearly allowed for the continuation of the ethos and characteristics of mission schools. Upko Information chief Albert Bingkasan said following the intervention of Datuk Mary Yap Kain Ching on Tuesday, the matter of taking down the cross from the school's new building had been resolved without any further issues. The issue of St Mary Labuk school headmaster and school board being pressured by some of the school's teachers and parents to have the cross removed from the new building went viral in the social media. On confirming that there was such a move at the mission school, Bingkasan said Tangau called the Deputy Education Minister who in turn made a call to Sabah director to remind him about the circular. "It was resolved thanks to Datuk Mary for her prompt action.

Source: Star, 19 June 2015

YB. P. Kamalanathan

Source: Star, 25 August 2015

Maklumat Sebagai Pemangkin Ilmu Pengetahuan

Terbitan Sektor Pusat Dokumentasi BPPDP 2015

6

KUALA LUMPUR: Malaysia mencipta sejarah apabila Deklarasi Kuala Lumpur diterima sebagai dokumen pertama Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-

Maklumat Sebagai Pemangkin Ilmu Pengetahuan

Terbitan Sektor Pusat Dokumentasi BPPDP 2015

Ban  
7

Bersatu (UNESCO) mengenai bidang Pendidikan serta Latihan Teknik dan Vokasional (TVET). Dokumen mengandungi lapan agenda penting mengenai TVET itu dipersetujui semalam bersempena Persidangan UNESCO Asia Pasifik bagi Pendidikan dan Latihan (ACET 2015) yang berlangsung di sini selama tiga hari bermula kelmarin.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/72533>